

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-26
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)

1. Bila dan dimanakah Majlis Konvokesyen UIS Kali Ke-26 akan dilaksanakan?

Tarikh / Hari : 23 September hingga 26 September 2023 / Sabtu hingga Selasa

Tempat : Pusat Konvensyen UIS

Sidang : 23 September 2023: Sidang 1 & 2
24 September 2023: Sidang 3 & 4
25 September 2023: Sidang 5 & 6
26 September 2023: Sidang 7

2. Adakah graduan perlu menghadiri raptai majlis konvokesyen?

YA. Pelajar perlu menghadiri raptai Majlis konvokesyen yang akan diadakan pada **22 September 2023 (Jumaat) jam 10.00 pagi di Pusat Konvensyen UIS.**

3. Adakah Majlis Konvokesyen UIS Kali Ke-26 akan dijalankan secara fizikal?

YA. Pelaksanaan majlis akan dilaksanakan secara fizikal bagi semua sidang seperti yang telah ditetapkan.

4. Bagaimanakah saya boleh mengetahui sama ada nama saya tersenarai sebagai graduan bagi Majlis Konvokesyen UIS Kali Ke-26?

Senarai nama yang telah diperakukan oleh Senat UIS telah dimuat naik dalam laman web rasmi konvokesyen <https://konvo.kuis.edu.my/>

5. Bagaimanakah cara untuk graduan mengetahui tarikh sidang konvokesyen masing-masing?

Kesemua maklumat berkaitan tarikh sidang konvokesyen boleh dirujuk dalam laman web rasmi konvokesyen di pautan berikut <https://konvo.kuis.edu.my/>

6. Siapakah yang dibenarkan hadir ke Majlis Konvokesyen UIS dan berada di dalam Pusat Konvensyen UIS?

Graduan KUIS Kali Ke-26 bersama **DUA (2) orang waris (ibu bapa / ahli**



keluarga) dibenarkan hadir dan berada di dalam dewan Pusat Konvensyen UIS.

Kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam dewan Pusat Konvensyen UIS.

Mereka yang tidak sihat atau disahkan positif COVID-19/ lain-lain penyakit berjangkit **DILARANG HADIR**.

7. Adakah Majlis Konvokesyen disiarkan secara langsung di platform media sosial?

YA. Majlis konvokesyen akan disiarkan secara langsung melalui media sosial rasmi UIS di Facebook (FB) Live UIS.

8. Sekiranya saya tidak sihat atau mempunyai gejala (seperti demam, batuk atau selesema), adakah saya dibenarkan untuk menghadiri Majlis Konvokesyen UIS kali ke-26?

YA. Graduan digalakkan untuk memakai pelitup muka sekiranya mengalami gejala seperti demam, batuk atau selesema.

9. Bolehkah graduan bersalaman dengan Pengerusi Sidang semasa mengambil skrol di atas pentas?

TIDAK. Graduan tidak dibenarkan untuk bersalaman dengan Pengerusi Sidang dan/atau tetamu kenamaan **di atas pentas** sebelum, semasa dan selepas mengambil skrol.

10. Adakah Ekstival Konvokesyen dilaksanakan semasa Majlis Konvokesyen UIS kali ke-26 ini?

YA. Ekstival Konvokesyen secara fizikal akan diadakan sepanjang Majlis Konvokesyen UIS Kali Ke-26 berlangsung yang akan bermula pada **22 September hingga 26 September 2023**.

11. Adakah perbarisan dan perarakan masuk graduan ke Pusat Konvensyen UIS akan dilaksanakan pada Majlis Konvokesyen kali ini?

YA. Para graduan dikehendaki berkumpul dengan berpakaian lengkap pakaian akademik Graduan di hadapan Pejabat Bahagian Teknologi Maklumat (Information Technology Block) UIS pada waktu yang ditetapkan. Para graduan diingatkan supaya tidak melengahkan masa untuk berkumpul bagi melalui proses semakan Kad Graduan (RFID Card) dan pengesahan kehadiran di dalam sistem RFID yang disediakan.



12. Adakah terdapat lokasi lain yang ditetapkan sekiranya ahli keluarga ingin menyaksikan Majlis Konvokesyen?

ADA. Ibu bapa/pasangan/ahli keluarga boleh menyaksikan Majlis Konvokesyen UIS Kali Ke-26 melalui layar yang disediakan di Auditorium Dr. Zainudin Jaffar, Aras Bawah Blok Pentadbiran, UIS.

13. Bolehkah graduan bergambar di dalam Pusat Konvensyen UIS selepas Majlis Konvokesyen UIS selesai?

TIDAK dibenarkan. Graduan **TIDAK DIBENARKAN** bergambar di dalam Pusat Konvensyen selepas Majlis Konvokesyen selesai. Graduan dikehendaki terus **mengikut perarakan keluar graduan** dari Pusat Konvensyen dengan panduan daripada petugas.

14. Saya mengalami kemalangan dan tidak boleh berjalan dengan baik. Bolehkah saya memohon bantuan semasa hadir majlis konvokesyen?

BOLEH. Graduan perlu mengemaskini status keupayaan fizikal di pautan <https://konvo.kuis.edu.my/> untuk pemakluman dan tindakan selanjutnya pihak UIS.

Semasa hari majlis, sila lapor diri terus kepada Jawatankuasa Majlis Konvokesyen yang bertugas agar proses memasuki dewan dipercepatkan.

15. Adakah saya perlu mengisi soal selidik kajian pengesanan graduan dibawah KPT?

YA. Graduan wajib mengisi soal selidik **Kajian Pengesanan Graduan 1.0 (SKPG 1.0):** <https://graduan.mohe.gov.my/SKPG2023/>

16. Adakah saya perlu mengisi dan mengemaskini Portal Alumni yang dikendalikan dibawah Bahagian Alumni UIS?

YA. Graduan wajib mengisi dan mengemaskini Portal Alumni di pautan berikut: <http://alumni.kuis.edu.my>

17. Adakah graduan dibenarkan untuk membuat penangguhan kehadiran di Majlis Konvokesyen UIS Ke-26 ke Majlis Konvokesyen seterusnya?

Tidak dibenarkan.

18. Adakah graduan dibenarkan untuk membawa sebarang hadiah konvokesyen/ cenderamata ke Pusat Konvensyen UIS?

Tidak dibenarkan. Sebarang hadiah konvokesyen/ cenderamata (contoh:



jambangan bunga, jambangan coklat dan lain-lain yang seumpamanya) adalah **tidak dibenarkan untuk dibawa masuk** ke Pusat Konvokesyen UIS. Sekiranya dibawa, barangan tersebut hendaklah ditinggalkan di luar dewan Pusat Konvokesyen UIS dan pihak UIS tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan/kerosakan kepada hadiah konvokesyen/cenderamata tersebut.

19. Adakah graduan yang belum membayar yuran graduasi dibenarkan menghadiri Majlis Konvokesyen?

Tidak dibenarkan. Graduan perlu membayar yuran graduasi dan denda (jika ada) sebelum tarikh pengambilan jubah akademik.

20. Bolehkah saya hadir ke Majlis Konvokesyen sekiranya saya telah mengambil sijil dan transkrip akademik sebelum tarikh Majlis Konvokesyen?

BOLEH. Graduan yang telah mengambil sijil dan transkrip akademik sebelum tarikh Majlis Konvokesyen boleh menghadiri Majlis Konvokesyen. Graduan **WAJIB** membawa Sijil dan Transkrip Akademik semasa Hari Pengambilan Jubah dan hendaklah diserahkan (sebagai cagaran) kepada petugas di Kaunter Cagaran. Graduan **TIDAK DIBENARKAN** mengambil jubah sekiranya Sijil dan Transkrip Akademik tidak dibawa.

21. Bilakah tarikh akhir saya perlu membuat pengesahan kehadiran ke Majlis Konvokesyen?

Tarikh akhir pengesahan kehadiran boleh dibuat di pautan <https://konvo.kuis.edu.my/> sebelum atau pada **08 September 2023 (Jumaat) jam 5.00 petang.**

22. Adakah boleh mendapatkan kad jemputan lebih daripada satu keping?

TIDAK BOLEH. Setiap graduan hanya diberikan satu (1) keping kad jemputan untuk dua (2) orang penjaga.

23. Apakah SOP yang ditetapkan bagi graduan untuk menghadiri Majlis konvokesyen ini?

- Graduan dinasihatkan mengambil sarapan (sidang pagi) /makan tengah hari (sidang petang) sebelum menghadiri Majlis Konvokesyen.
- Graduan digalakkan memakai pelitup muka sekiranya bergejala.
- Graduan digalakkan membersihkan tangan dengan *hand sanitizer* atau air dan sabun.
- Graduan hendaklah mematuhi ketetapan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dari semasa ke semasa.

24. Adakah ruang solat disediakan?

Graduan dan ibu bapa/penjaga boleh menunaikan solat di Masjid Al-Azhar UIS.

25. Bilakah sijil dan transkrip akademik akan diserahkan kepada graduan?

Sijil dan Transkrip Akademik akan diserahkan kepada graduan selepas jubah graduan dipulangkan.

26. Adakah graduan perlu membayar yuran tambahan untuk gambar semasa menerima skrol di pentas?

YA. Bayaran gambar tidak termasuk di dalam yuran graduasi. Jurugambar rasmi Majlis Konvokesyen merupakan jurugambar luar yang dilantik oleh pihak UIS.

27. Bilakah graduan dibenarkan mengambil jubah graduan?

Jadual tarikh pengambilan jubah graduan adalah seperti dalam pautan berikut:

<https://konvo.kuis.edu.my/majlis-konvokesyen/sebelum-konvokesyen/jadual-hari-pengambilan-jubah>

28. Bilakah tarikh pemulangan jubah graduan?

Jadual tarikh pemulangan jubah graduan adalah seperti dalam pautan berikut:

<https://konvo.kuis.edu.my/majlis-konvokesyen/selepas-konvokesyen/jadual-hari-pemulangan-jubah>

29. Dimanakah graduan boleh meletakkan kenderaan semasa menghadiri Majlis Konvokesyen?

Graduan sidang Pagi dan Petang:

- a. **Parkir A** (parkir selepas Pondok Keselamatan)
- b. **Parkir B** (laluhan kiri selepas Bulatan Antarabangsa)
- c. **Parkir C** (laluhan kiri selepas simpang Masjid Al-Azhar)
- d. **Parkir D** (parkir Bangunan Akademik 1)
- e. **Parkir E** (belakang Fakulti Syariah dan Undang-undang)

*Dilampirkan Pelan Trafik Majlis Konvokesyen UIS Kali Ke-26.


30. Bolehkah jika saya ingin mengepos jubah konvokesyen tersebut kepada UIS setelah selesai majlis konvokesyen?

TIDAK dibenarkan. Graduan perlu menyerahkan jubah dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan dikenakan denda setelah selesai majlis konvokesyen. Graduan juga perlu bertanggungjawab menjaga Jubah Konvokesyen dengan baik. Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan, denda akan dikenakan (sila rujuk jadual denda di laman sesawang Majlis Konvokesyen UIS Kali Ke-26).

31. Sekiranya graduan hadir dan membawa lebih daripada 2 orang ahli keluarga, adakah tempat khas disediakan?

Graduan hanya boleh membawa masuk **2 ORANG AHLI KELUARGA/PENJAGA SAHAJA**. Tempat khas di luar dewan telah disediakan namun tempat ini adalah terhad.

Lampiran A



LAYOUT PARKIR MAJLIS KONVOKESYEN UIS KE-26 PADA 23-26 SEPTEMBER 2023